

Newspaper	Berita Harian
Date	22 September 2015

PM saksi MoU Melaka, Guangdong

BH 22/9/2015

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Nsuib Razak menyaksikan m^jlis menandatangani memorandum persefahaman bagi pewujudan Negeri dan Wilayah Persehabatan di antara Melaka dan wilayah Guangdong, China, di sini semalam.

Kunjungan hormat Gabenor Wilayah Guangdong, Zhu Xiaodan menandatangani MoU itu selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana

Menteri, manakala Melaka diwakili Ketua Menterinya, Datuk Seri Idris Haron.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Wee Ka Siong dan Duta Khas Perdana Menteri ke China, Tan Sri Ong Ka Ting; Setiausaha Agung Wilayah Guangdong, Li Feng Ketua Pengarah Pejabat Hal Ehwal Luar Guangdong, Fu Lang dan Duta China di Malaysia, Dr Huang Huikang.



Najib menerima kunjungan hormat Xiaodan di Putrajaya, semalam sambil diiringi Idris, Tiong Lai dan Huikang (dua dari kiri). [FOTO BERNAMA]